



**Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 2/2021  
(Bulan Februari 2021)**

| <b>Bil</b>           | <b>Tajuk</b>   | <b>Tarikh</b>           | <b>Muka surat</b> |
|----------------------|--|-------------------------|-------------------|
| <b>1.</b>            | <b>Vaksin Sebagai Ikhtiar, Penyakit Jangan Dibiarkan</b> | <b>5 Februari 2021</b>  | <b>2</b>          |
| <b>2.</b>            | <b>Ujian Sebuah Kehidupan</b>                            | <b>12 Februari 2021</b> | <b>12</b>         |
| <b>3.</b>            | <b>Berusaha dan Bertawakkal</b>                          | <b>19 Februari 2021</b> | <b>21</b>         |
| <b>4.</b>            | <b>Bila Lagi Nak Insaf?</b>                              | <b>26 Februari 2021</b> | <b>27</b>         |
| <b>Khutbah Kedua</b> |  |                         | <b>35</b>         |

فرجیتقن دبیایاء :

زکاة فولاو فینغ

تلیفون : 04-5498088



## Vaksin Sebagai Ikhtiar, Penyakit Jangan Dibiarkan

(5 Februari 2021M/ 23 Rabi'ulakhir 1442H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَأَيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٦﴾ يُصْلِحْ  
لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ

وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٦﴾

## **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kehidupan kita dilimpahi keberkatan dan kerahmatan.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan sejenak perbuatan lagha dan bertentangan dengan sunnah serta adab iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dan bermain telefon bimbit. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Vaksin Sebagai Ikhtiar, Penyakit Jangan Dibiarkan”**.

## **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Islam merupakan agama yang menitikberatkan soal kesihatan dengan meletakkan beberapa prinsip asas dalam mendepani penyakit. Antara prinsip Islam dalam berhadapan dengan penyakit ialah kita hendaklah berikhtiar mencari ubat atau penawar dan mendapatkan rawatan yang bersesuaian dengan penyakit yang dihidapi. Sesungguhnya setiap penyakit itu ada penawarnya yang dijadikan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT menerusi surah al-Nahl, ayat 69:

ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا يَخْرُجُ  
مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ  
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٩﴾

Bermaksud: “Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang

*diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandung penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.”*

Renungkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Jabir bin Abdillah Radhiyallahu ‘anhu, Rasulullah SAW bersabda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ  
وَجَلَّ

Bermaksud: “Setiap penyakit itu ada penawarnya. Maka apabila penawar itu kena pada penyakitnya, nescaya ia akan sembuh dengan izin Allah ‘Azza wa Jalla.”

Islam amat menitikberatkan soal pencegahan penyakit sebelum ia menimpa manusia. Sesungguhnya anjuran mencegah sesuatu penyakit adalah termasuk menghalang bencana sebelum ia berlaku. Ketika kita masih berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19, tentunya usaha-usaha untuk mencari jalan pencegahan penyakit ini menjadi keutamaan pihak kerajaan. Perkara ini adalah masalah kepada keseluruhan rakyat setelah menimbangkan faktor-faktor yang pelbagai dan setelah mendapatkan pandangan-pandangan daripada pihak-pihak yang berkepakaran serta berautoriti dengan memastikan ia berlandaskan syariat Islam.

Dalam konteks ini, sebagai rakyat kita mestilah bersedia menerima arahan daripada pemerintah selagimana arahan itu tidak bercanggah dengan perintah Allah

SWT dan dilakukan untuk masalah kita bersama. Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-10 yang bersidang pada 3 Disember 2020, telah mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Ketetapan ini juga telah disembah maklum kepada Majlis Raja-Raja.

Hukum penggunaan vaksin ini juga turut didasari dengan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh badan-badan fatwa yang berautoriti dan juga melalui kenyataan tokoh-tokoh ulama Islam di peringkat global. Walaupun vaksin COVID-19 baru sahaja dikeluarkan dan negara-negara barat telah menggunakannya termasuk negara China dan lain-lain, pengambilan suntikan vaksin

ini juga telah dilakukan di negara-negara Islam yang lain antaranya Arab Saudi, Mesir, Jordan, Turki, Bahrain, Kuwait, Qatar dan Indonesia.

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Pengambilan vaksin COVID-19 pada ketika ini menjadi perkara yang sangat penting kepada kita. Kepentingan yang paling utama adalah untuk melindungi diri terutama bagi golongan yang berisiko tinggi. Sebenarnya, sebelum vaksin tersebut diluluskan untuk digunakan, ujian-ujian klinikal telah dijalankan untuk menentukan tahap keselamatan dan keberkesannya. Jika terdapat kesan sampingan yang teruk, maka vaksin tersebut tidak akan diluluskan.

Hari ini, kita dapat melihat ramai dalam kalangan kita yang tidak memahami kepentingan vaksin kepada kehidupan

manusia. Bagi penyakit COVID-19 ini jika kita tidak mengambil vaksin, kita berkemungkinan mudah untuk mendapat jangkitan malah dibimbangi juga boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Terdapat juga kajian yang menunjukkan kesan jangka masa panjang kepada pesakit yang telah sembuh. Justeru, dengan menggunakan vaksin ini kita berkemungkinan dapat menghentikan jangkitan daripada berlaku. Dengan itu, kita akan dapat melindungi orang lain yang tidak boleh mendapat vaksin seperti wanita mengandung, kanak-kanak dan pesakit yang mempunyai penyakit berisiko.

Apabila sebahagian besar masyarakat telah dilindungi daripada jangkitan sesuatu penyakit cegahan vaksin, penyebab penyakit tersebut sukar mencari seseorang yang boleh dijangkiti. Oleh itu, seluruh masyarakat

akan terlindung daripada jangkitan penyakit tersebut. Inilah yang dinamakan sebagai 'imuniti kelompok'. Justeru, imunisasi bukan sahaja melindungi individu, tetapi turut melindungi seluruh keluarga, masyarakat dan negara. Sebagai ahli masyarakat, kita bertanggungjawab untuk melindungi mereka yang tidak sesuai menerima imunisasi seperti kanak-kanak yang menghidap barah dan berisiko untuk mendapat jangkitan.

Mengakhiri khutbah, marilah kita sama-sama berusaha dan bertawakal kepada Allah SWT agar ujian penyakit yang berbahaya ini dapat dicegah dan diatasi daripada terus menular di negara ini. Hayati firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran, ayat 160:

إِنْ يَنْصُرْكُمْ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ  
فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ  
الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

Bermaksud : “Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika Dia mengalahkan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Ujian Sebuah Kehidupan

(12 Februari 2021M/ 30 Rabi'ulakhir 1442H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامِنُوا بِاللَّهِ  
وَرَسُولِهِ ءَالِكِتَبِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ ءَالِكِتَبِ  
الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ  
وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ءَالْيَوْمِ ءَالْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا بَعِيدًا

سورة النساء ﴿٣٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ اهْتَدَى بِهِدَاهُمْ إِلَى يَوْمِ  
الْدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang bertaqwa di akhirat kelak.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan sejenak perbuatan lagha dan bertentangan dengan sunnah serta adab iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dan bermain telefon bimbit. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Ujian Sebuah Kehidupan”**.

**Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Kehidupan di dunia ini sememangnya tidak dapat lari daripada ujian dan dugaan. Ia sentiasa datang kepada manusia untuk menguji sejauh mana kemampuannya dalam menerima dan menghadapinya. Allah SWT sangat mengasihi hamba-hamba-Nya yang sentiasa sabar, reda dan berserah diri kepada-Nya dalam menghadapi ujian tersebut. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 156:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ  
رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Bermaksud: *“(laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”*

Negara kita masih lagi mengharungi ujian wabak pandemik COVID-19. Pada masa yang sama, beberapa buah negeri telah berhadapan dengan bencana banjir, hujan lebat, tanah runtuh, hakisan tanah dan sebagainya yang telah menjejaskan kehidupan seharian. Sesungguhnya semua ini merupakan sebuah ujian kehidupan sebagai peringatan supaya kita tidak terus alpa dan leka.

Sebagai muslim kita hendaklah percaya dan yakin bahawa setiap musibah dan bala bencana yang menimpa merupakan ujian daripada Allah SWT untuk menguji sejauh mana penerimaan manusia dalam mengharungi kesusahan. Inilah ujian keimanan yang diberikan oleh Allah SWT sebagai peringatan buat hamba-hambanya. Justeru, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan kesabaran, lapangkan dada

dan fikiran serta terus pasrah dan reda menempuh setiap ujian kehidupan.

Sebagai umat Islam sewajarnya kita mengambil ibrah daripada setiap musibah seperti keadaan bencana alam ini. Sememangnya musibah tidak akan datang melainkan akibat perbuatan manusia yang sering lupa dan lalai. Dengan musibah ini juga, sewajarnya manusia kembali kepada Allah SWT dan menyedari bahawa ia juga menjadi sebab terhapusnya dosa-dosa kita. Sesungguhnya Allah SWT tidak pernah menjadikan sesuatu tanpa sebab dan sia-sia. Jika ia baik maka akan terbuktilah manfaatnya, malah sesuatu yang buruk juga mempunyai hikmah di sebaliknya.

**Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Islam mendidik umatnya supaya mengambil berat terhadap kesusahan dan kepayahan yang menimpa orang lain. Dalam mengharungi saat-saat getir ini, marilah kita bersama-sama menghulurkan bantuan tanpa mengira perbezaan agama, kaum dan bangsa. Hulurkanlah apa jua bantuan sama ada tenaga dan harta seadanya. Sesungguhnya, inilah bukti kecintaan dan kebersamaan kita terhadap masyarakat dan negara. Renungilah firman Allah SWT dalam surah al-Maaidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ  
وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Bermaksud : *“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan*

*bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya). ”*

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Sesungguhnya kita amat dituntut untuk sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT ketika menghadapi kesusahan dan bencana. Imam Abu Dawud r.h telah meriwayatkan hadith daripada Abu al-Yasar RA, bahawa Rasulullah SAW berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَدْمِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ  
التَّرَدِّيِّ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْغَرَقِ وَالْحَرَقِ وَالْهَرَمِ...

Bermaksud: “Ya Allah, Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada kehancuran, dan aku berlindung kepadaMu daripada kebinasaan. Aku juga berlindung kepadamu

*daripada tenggelam lemas, terbakar dan menjadi nyanyuk (kerana tua)..”*

Mengakhiri khutbah, marilah kita mengambil hikmah dan bermuhasabah daripada ujian yang sedang melanda kita ini. Perbanyakkanlah doa dan munajat kepadaNya kerana sesungguhnya tidak ada yang dapat memberi dan menghilangkan kemudaratan melainkan Allah Yang Maha Esa. Firman Allah SWT dalam surah al-Syura, ayat 30:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ  
وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

Bermaksud : *“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-*

perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



**BERUSAHA DAN BERTAWAKAL**  
(19 Februari 2021M/ 7 Rejab 1442H)

---

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِإِدَاءِ الْمَأْمُورَاتِ بِالْوَأْجِبَاتِ  
وَنَهَانَا عَنِ الْمَعَاصِي وَالْمُنْكَرَاتِ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan sejenak perbuatan lagha dan bertentangan dengan sunnah serta adab iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dan bermain telefon bimbit. Khutbah pada hari ini bertajuk “**Berusaha dan Bertawakal**”.

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Kita masih lagi berusaha untuk memerangi jangkitan wabak Covid-19. Sememangnya, ia merupakan salah satu usaha yang perlu kita semua laksanakan bagi membantu kerajaan dalam memulihkan kesihatan awam. Allah SWT memerintahkan kita untuk berusaha dan setiap usaha yang kita lakukan

itu akan dinilai oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Taubah ayat 105:

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ  
وَالْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ  
فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *“Dan katakanlah (wahai Muhammad): “Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan”.*

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Saya ingin menyeru kepada semua agar dapat mematuhi arahan dan perintah

daripada pihak berkuasa. Tanggungjawab kini terletak di atas bahu masing-masing.

Ingatlah bahawa dengan ketaatan dan kepatuhan kita sebelum ini, kita pernah hampir berjaya memerangi jangkitan wabak penyakit ini. Insya-Allah, jika kita sama-sama patuh dan taat, kita pasti akan dapat mengekang penularan wabak ini dan kembali menjalani kehidupan seperti biasa.

Ingatlah bahawa usaha kita untuk melawan pandemik Covid-19 termasuk dalam usaha memelihara nyawa yang terkandung dalam Maqasid al-Syariah. Usaha-usaha yang kita lakukan ini hendaklah kita iring dengan doa, taubat, dan munajat kepada Allah SWT. Mengadulah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar pengaduan. Biarkan air mata taubat dan penyesalan kita mengalir ketika

bermunajat kepada Allah SWT. Setelah itu, kita hendaklah bertawakallah kepada Allah SWT.

Mudah-mudahan Allah SWT mengangkat segera wabak penyakit ini dan seterusnya menyelamatkan kita semua dari segala bentuk kesusahan dunia dan kesusahan di akhirat. Insya-Allah. Firman Allah SWT:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّن بَيْن يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِّن

أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا

بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ

مِّن دُونِهِ ۗ مِنْ وَالٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada

*pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapa yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya”.*

(Surah al-Ra'd ayat 11)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَأَيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## BILA LAGI NAK INSAF?

(26 Februari 2021M/ 14 Rejab 1442H)

---

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ  
أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

**Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,**

Khatib memperingatkan diri sendiri dan sidang Jumaat yang dimuliakan, marilah bersama-sama kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Sesungguhnya insan yang bertakwa sahajalah yang akan beroleh kemenangan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan sejenak perbuatan lagha dan bertentangan dengan sunnah serta adab iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dan bermain telefon bimbit. Mimbar pada hari ini akan mengutarakan khutbah yang bertajuk: **Bila Lagi Nak Insaf?**

## **Sidang Jumaat yang Dimulihkan,**

Di dunia ini terdapat dua golongan manusia. Pertama, manusia yang berusaha menjadi yang terbaik di sisi Allah SWT dengan melaksanakan semua perintah-Nya. Kedua, yang memilih untuk melakukan kemungkaran. Pelbagai jenis maksiat dilakukan dengan alasan hidup hanya sekali dan perlu berseronok sebelum mati. Apa yang lebih menyedihkan, ada yang sudah berusia lanjut namun masih hanyut dengan tipu daya dunia. Terhenjut-henjut, terhoyong-hayang, umur lanjut, tak mahu sembahyang, والعِيَاذُ بِاللَّهِ.

Allah SWT tidak menghalang hamba-Nya daripada bergembira dan melakukan aktiviti yang menyeronokkan, namun setiap aktiviti itu hendaklah mengikut panduan dan batasan ajaran Islam. Apatah lagi bagi

mereka yang telah mencecah usia lima, enam atau tujuh puluhan. Jika tiada hasrat dalam hati untuk berubah menjadi manusia yang baik, dibimbangi selama-lamanya hidup dalam kemurkaan Allah. Hadis dari Abi Hurairah r.a. baginda Nabi SAW bersabda:

أَعْدَرَ اللَّهُ إِلَىٰ أَمْرِيءٍ آخَرَ أَجَلَهُ حَتَّىٰ بَلَغَ سِتِّينَ  
سَنَةً

Maksudnya: “Allah menghilangkan uzur kepada seseorang yang ajalnya diakhirkan sehingga dia berumur enam puluh tahun.”

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Nafsu kadangkala menguasai akal manusia. Pepatah ‘rumah kata pergi, kubur kata mari’ tidak membekas di jiwa. Sebaliknya masih ada segelintir yang gemar melakukan aktiviti yang melalaikan dan tidak berfaedah.

Mereka melayan kehendak nafsu tanpa mengira halal dan haram. Bagi golongan muda pula, seolah terlupa bahawa mati tidak mensyaratkan tua. Masih leka dengan aktiviti yang melalaikan seperti menghabiskan masa dengan *game* atau permainan dalam talian, bergaul bebas lelaki dan perempuan yang bukan mahram hingga sanggup melakukan aktiviti yang tidak bermoral. Walau dalam tempoh PKP, kes sebegini masih dilaporkan berlaku.

### **Sidang Jumaat yang Berbahagia,**

Marilah kita menjadi muslim dan mukmin yang lebih baik. Berubahlah dan terus berubah ke arah kebaikan. Sekiranya sebentar lagi sebaik kita melangkah keluar dari masjid ini, ditakdirkan kita berhadapan dengan Malaikat Izrail, apakah boleh kita meminta malaikat menunggu kita insaf dan

bertaubat dahulu? Sedangkan kita sedar bahawasanya balasan Allah SWT kepada hamba-Nya yang berbuat maksuat amat pedih dan dahsyat. Tidak mampu digambarkan dengan apa pun kalimah. Ayuh kita berhijrah sebelum terlewat. Entah esok atau lusa maut menjemput. Hadis daripada Abi Ya'la Syadad bin Aus, daripada Nabi SAW baginda bersabda yang bermaksud:

*“Orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian, sedangkan orang yang lemah (imannya) adalah orang yang jiwanya mengikuti hawa nafsu dan berangan-angan kepada Allah SWT (bahawa Allah akan mengampuninya).”*

﴿حديث رواية الترمذي﴾

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Bila lagi nak insaf? Tepuk dada tanyalah iman. Usahlah sekadar memasang azam tanpa berbuat apa-apa. Carilah hidayah Allah SWT kerana hidayah tidak akan datang begitu sahaja. Sentiasa melazimi doa agar Allah SWT menetapkan hati kita di atas petunjuk dan rahmat-Nya.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita merenung kembali pengajaran khutbah, antaranya:

**Pertama:** Manusia merupakan makhluk yang termulia diciptakan oleh Allah SWT dan mempunyai pelbagai sifat di dalam diri mereka.

**Kedua:** Nafsu kadangkala menguasai akal fikiran hingga manusia lalai daripada mengingati Allah SWT.

**Ketiga:** Masih belum terlambat untuk berubah. Selagi masih bernyawa ruang dan peluang masih terbuka. Pohonlah keampunan Allah SWT supaya hidup dan mati kita dalam iman serta diakhiri hidup dalam Husnul Khatimah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ  
الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ ﴿٥﴾ سورة فاطر

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَأَيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## خطبة كدوا (بولن فبرواري 2021)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ،! فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ  
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ  
الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَالِيِي التَّابِعِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا  
مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا  
وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى مَلِكِنَا،  
كباوه دولي بيغ مها موليا سري فادوك باكيندا بيغ  
دفرتوان اكوغ ك-انم بلس، اَلسُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ

رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدُ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وَكَذَلِكَ  
مولانا توان یغ تراواتاما تون داتوء سري اوتاما  
دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عباس، یغ  
دقرتوا نكري قولوا فينخ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ  
وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا  
هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ،  
وَالجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

يا الله دغن صفتمو یغ مها فموره دان مها مندعرا!  
کامی همبامو یغ لمه مرايو کقدامو اکر اغکاو اغکت  
دان هیلغکن سکرا وابق فپاکیت Covid-19 یغ  
سدغ ملندا کامی اکر دافت کامی ملقسانکن شِعَارْمُو  
دغن سمفورنا.

يا الله جاد يكنله كامى دان كتورونن كامى اورغ ۲ يڭ  
إِسْتِقَامَةٌ مَنْدِيرِيكَن صَلَاة سچارا برجماعه سرتا  
مغلواركن زكاة دان وَقَفْ. رحمتيله كهيدوقن  
مريك. سسوغكوهش هاش كقدمو جوايا الله، دعاء  
كامى موهون دفركنن دان دتريما.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ!

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.